

18 JUL 2003

Mahathir-Quran

SALAH TAFSIRAN PUNCA UMAT BERPECAH, KATA DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 18 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perpecahan di kalangan umat Islam sekarang bukan disebabkan oleh ajaran yang terkandung dalam Al-Quran dan hadis tetapi kerana tafsiran yang berbagai-bagai dan bertentangan oleh golongan terpelajar.

"Al-Quran tidak silap. Tetapi pentafsir, sebagai manusia biasa walaupun terpelajar dalam bidang agama dengan mendalam, masih boleh membuat tafsiran yang salah," katanya ketika merasmikan Al-Quran Mushaf Malaysia Tabah'ah' ain At-takwa (cetakan koleksi) di Kompleks Taman Seni Islam di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata terdapat pentafsir yang takbur yang mendakwa dia sahaja yang tahu agama Islam dan tafsiran, serta ajaran orang lain tidak betul dan dia tidak boleh ditegur, dan pentafsir seperti inilah yang kerap menyebabkan umat Islam keliru, sesat dan berpecah.

"Mereka ini suka menjual ayat al-Quran dengan harga yang murah sedangkan Allah s.w.t berfirman dalam Al Quran supaya tidak melakukan perbuatan ini.

"Apa yang disampaikan kepada kita ialah fahaman orang yang fasih dalam bahasa Al-Quran dan terjemahan fahaman ini kepada bahasa kita," katanya.

"Jika salah fahamannya atau terjemahannya, maka salahlah fahaman kita akan ajaran Islam yang sebenar," kata Dr Mahathir.

Kerana itu, katanya, masyarakat sering bersengketa sesama sendiri kerana kelainan fahaman, tafsiran dan terjemahan oleh mereka yang menyampaikan ajaran Islam.

Perdana Menteri berkata jika pentafsir tidak boleh ditegur dan segala-gala yang disampaikan oleh mereka diterima bulat-bulat, tanpa dirujuk kepada pihak lain, "maka kemungkinan untuk kita sesat adalah amat besar".

Beliau berkata sebab itu terdapat orang yang mendakwa mereka adalah orang Islam tetapi keIslaman mereka dinafikan oleh orang Islam lain.

Dr Mahathir berkata memandangkan ayat-ayat dalam Al-Quran boleh ditafsir secara berbeza-beza oleh para pentafsir, "rujukan kita mungkin menghasilkan panduan yang salah, kerana sebenarnya kita merujuk kepada pentafsir, dan bukan kepada Al-Quran".

"Yang jelas, individu yang membuat tafsirannya sendiri, walaupun dianya alim, tidak semestinya benar dan betul," katanya.

Beliau berkata bahawa untuk menjadikan Al-Quran sebagai tempat rujukan, tafsiran hendaklah dibuat oleh sekumpulan ulama yang tidak mempunyai apa-apa kepentingan selain daripada kepentingan untuk umat Islam dan agama Islam.

" Dan mereka tidak takbur dengan anggapan bahawa mereka sebagai pewaris nabi, tidak mempunyai kecacatan ataupun kelemahan seperti yang ada pada manusia lain.

" (Sebaliknya) mereka yang sering mendakwa sebagai pewaris nabi, tidak mempunyai sifat-sifat ulama yang sebenar," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata ramai yang menentang segala pendapat yang berbeza sedikit dengan tafsiran tradisional, kononnya percubaan itu adalah untuk mengubah Al-Quran.

Beliau menegaskan bahawa tidak ada usaha untuk melakukan perubahan terhadap Al-Quran kerana kitab itu adalah wahyu daripada Allah.

Apa yang perlu dibuat ialah pindaan kepada tafsiran mengikut perkembangan zaman, katanya.

Perdana Menteri memberikan contoh mengenai kaedah pertahanan di zaman nabi yang memerlukan kuda, pemanah, tombak dan pedang manakala di zaman ini bidang pertahanan memerlukan senapang, meriam, kereta kebal, pesawat pengebom dan pesawat pejuang.

Dalam hal ini desakan agama supaya orang Islam bersedia untuk mempertahankan diri tidak berubah dan kelainan tafsiran hanyalah berkenaan dengan jenis senjata yang hendak disediakan, jelas beliau.

Dr Mahathir berkata golongan yang sering mengecam apa yang mereka dakwa sebagai tafsiran bukan tradisional mengenai ajaran Al-Quran adalah merupakan pihak yang kerap kali membuat tafsiran baru yang bertentangan dengan tafsiran lama dan tepat.

Beliau berkata ia merupakan "tafsiran baru dan berbeza daripada tafsiran tradisi dan asal" apabila mereka berkata Tuhan mencarut dan Tuhan samseng besar dan begitu juga dengan dakwaan bahawa seseorang itu hanya Islam jika ia menyertai sebuah parti politik ciptaan manusia.

"Soalnya kenapa mereka boleh buat tafsiran baru yang tidak sama sekali berasas kepada Al-Quran sedangkan tafsiran yang dibuat berasas kepada isi kandungan Al-Quran didakwa sebagai menolak ajaran Al-Quran?" tanya beliau.

Dr Mahathir berkata sekiranya kesilapan mereka jelas dan terang dan membawa perpecahan serta kelemahan kepada umat Islam, tafsiran mereka berkenaan surah dan Al-Quran perlu dikaji dan dipinda supaya umat Islam dapat kembali bersatu.

Mushaf Al-Quran Malaysia merupakan satu projek Yasayan Restu, sebuah organisasi yang menggunakan pendekatan berdakwah melalui seni Islam.

Manuskrip ini kaya dengan ragam hias Islam tempatan dan dihasilkan oleh 50 pekerja mahir seni Islam.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menerima Mushaf Al-Quran khas yang diusahakan oleh Yayasan Restu selama tiga tahun.

-- BERNAMA

LES RON